

Ucapan Putin disambut tepukan gemuruh

UM 17 OCT 2003

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Presiden Rusia, Valdimir Putin mendapat tepukan gemuruh daripada pemimpin-pemimpin Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) apabila buat pertama kali pemimpin negara itu berucap pada Sidang Kemuncak Ke-10 OIC hari ini.

Juruacara majlis mengumumkan bahawa Presiden Rusia itu akan berucap pada akhir majlis perasmian sidang kemuncak OIC, menjadikannya ucapan pertama dilakukan oleh seorang pemimpin yang bukan dari negara anggota pertubuhan itu.

Putin hadir sebagai tetamu khas atas undangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.

Mahathir Mohamad yang merupakan Pengerusi Sidang Kemuncak Ke-10 OIC.

Ucapan Putin itu mendapat tepukan daripada hadirin apabila beliau menyatakan bahawa keganasan tidak harus dikaitkan dengan mana-mana agama, budaya, tradisi atau cara hidup seseorang.

Kata Putin lagi, Rusia akan sentiasa menyokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk memainkan peranan utama dalam menyelesaikan masalah yang berlaku di dunia.

“Rusia ingin menyatakan bahawa negara kami menyokong pendekatan multilateral dan akan terus mempertahankan fahaman

itu walaupun sesetengah negara tidak,” katanya.

Beliau merujuk kepada tindakan Amerika Syarikat dan Britain yang menyerang Iraq tanpa mendapat restu daripada Majlis Keselamatan PBB dan mengetepikan negara-negara lain terutama Rusia, Perancis dan Jerman yang menentang serangan tentera ke atas negara itu.

Pemimpin-pemimpin dan delegasi OIC sekali lagi memberikan tepukan apabila beliau menyatakan bahawa kira-kira 20 juta penduduk Islam Rusia merupakan sebahagian

■ Lihat muka 4

Ucapan Putin disambut tepukan gemuruh

UM 17 OCT 2003

Ucapan Putin disambut tepukan gemuruh daripada penduduk negara itu dan tidak boleh dipisahkan.

Jelas beliau, pada tahun 1991, hanya terdapat 870 masjid di Rusia kini telah bertambah kepada 7,000 buah.

“Kerajaan Rusia ingin mengucapkan terima kasih kepada negara-negara anggota OIC yang telah memberi bantuan kepada penduduk Islam negara kami untuk memperbaiki dan membina semula masjid-masjid yang telah dimusnahkan semasa zaman Komunis di mana ajaran agama diharamkan sama sekali.

“Ini ajaran dan anutan agama Islam dan agama-agama lain dibenarkan kerana Rusia sekarang merupakan sebuah negara yang mengamalkan kebebasan dan rakyat bebas untuk menganut apa sahaja agama,” katanya.

Ujar beliau, perkembangan Islam di negara itu semakin memberangsangkan seperti agama-agama lain selepas tumbangannya Kesatuan Soviet pada tahun 1991.

Bagaimanapun, menurut Putin, negara itu mendapat kritikan hebat daripada dunia Islam mengenai keadaan di Chechnya tetapi

menjelaskan kerajaan pimpinannya melakukan yang terbaik untuk mewujudkan keamanan di negara itu.

Beliau juga memberitahu, Rusia dan negara-negara Islam boleh mengadakan kerjasama yang baik dalam pelbagai bidang dalam usaha mencapai keamanan di dunia.

Selain Putin, Dr. Mahathir turut mengundang Presiden Filipina, Gloria Arroyo dan Sri Lanka yang diwakili oleh Menteri Pembangunan Pelabuhan dan Perkapalan, Pembangunan Timur dan Hal Ehwal Islam, Rauf Hakeem.